



**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada semua warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Sembilan) yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti berikut:-

**A. SKIM PERKHIDMATAN**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI
PEGAWAI KHAS (SETIAUSAHA) KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO)	PNS C3	SECARA TETAP/KONTRAK	PNS C3 GAJI MINIMUM : RM2,185.00 GAJI MAKSIMUM : RM6,946.00

NOTA:  
PENETAPAN GAJI ADALAH TERTAKLUK KEPADA PENGALAMAN.  
JADUAL GAJI DI ATAS TIDAK TERMASUK ELAUN-ELAUN LAIN.

**B. SYARAT LANTIKAN**

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - a) Warganegara Malaysia; dan
  - b) Lelaki; dan
  - c) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - d) Lesen memandu yang sah (kelas D); rekod pemanduan bersih dan boleh dipercayai.
  - e) Diploma dalam bidang berkaitan Sains Kesetiausahaan/Pengurusan dan Teknologi Pejabat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - g) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan oleh Kerajaan.

**C. DISKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja berkaitan pengurusan jadual harian, penyelarasan komunikasi strategik, pelaksanaan urusan protokol rasmi, serta memandu Ketua Pegawai Eksekutif ke lokasi berkaitan tugas rasmi dan peribadi dengan selamat dan memastikan kelancaran serta keselamatan perjalanan Ketua Pegawai Eksekutif.

## D. KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON BERIKUT

- i. Memiliki kemahiran dalam komunikasi korporat.
- ii. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- iii. Memiliki pengalaman dalam bidang yang berkaitan seperti pentadbiran, pengurusan, atau peranan eksekutif lain.
- iv. Mempunyai kelayakan profesional tambahan seperti *Certified Professional Secretary (CPS)* adalah suatu kelebihan.

## E. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

- i. Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati secara percuma di:-
  - a) Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia  
Aras 7, Sayap Utara,  
Menara MAINS,  
70100 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**ATAU**

  - b) Muat Turun Borang dari Laman Web Rasmi Perbadanan NS [www.nscorp.gov.my](http://www.nscorp.gov.my)
- ii. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama salinan dokumen yang telah disahkan :-
  - a) Sijil Kelahiran
  - b) Kad Pengenalan (depan / belakang)
  - c) Sijil Berhenti Sekolah
  - d) Sijil / Diploma / Ijazah yang berkaitan
  - e) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan undang-undang
- iii. Semua permohonan hendaklah mengemukakan *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap.
- iv. Permohonan daripada Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah di kemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini mengikut Perintah Am Bab 'A' Perenggan 21
- v. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di alamatkan kepada :-

**Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan NS,  
Aras 7, Sayap Utara, Menara MAINS  
70100 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
(u.p.: Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 9 JUN 2025**

## F. CATATAN AM

- i. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:
  - a) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
  - b) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan dokumen tidak disahkan.
  - c) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
- ii. Calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga
- iii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 (tiga) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya
- iv. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.